



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful Menaiki Keretapi Lokomotif untuk Meraikan Raya Kampong GETB!

Pengalaman menyambut Raya yang tiada tandingannya.

10 Mei 2024, Kuala Lumpur - Pada bulan Syawal, umat Islam di seluruh dunia menyambut Hari Raya, dan Great Eastern Takaful Berhad (GETB), sebuah pengendali takaful keluarga telah mengambil inisiatif untuk meraikan perayaan tersebut bersama kakitangannya. Majlis yang dikenali sebagai "Raya Kampong GETB" ini bertujuan untuk mengimbau kembali kenangan menyambut Raya secara tradisional bersama kakitangan GETB yang mana kesemua mereka telah mengenakan pakaian Melayu klasik.

Bertemakan "Melayu Klasik", sambutan Raya Kampong GETB dimulai dengan menaiki lokomotif Keretapi Tanah Melayu Berhad Kuala Lumpur (KTMB KL), untuk perjalanan dua hala bermula dari Kuala Lumpur ke Tampin. Semua kakitangan berpeluang untuk merasai pengalaman "balik kampung" yang istimewa sambil menikmati pemandangan desa yang indah dalam suasana klasik di samping sajian makanan, dekorasi serta permainan tradisional seperti congkak, dart, dam haji, dan pertandingan karaoke. Setibanya di stesen keretapi Tampin, beberapa buah bas telah tersedia untuk membawa semua kakitangan GETB ke Dewan Perdana Tampin di mana majlis perayaan akan diteruskan.

Mengulas mengenai acara ini, En. Shahrul Azlan Shahriman, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful berkata, "Tujuan majlis Raya Kampong GETB di atas keretapi lokomotif ini adalah untuk memberi pengalaman Raya yang berbeza dan unik kepada semua kakitangan kami. Sebagai operator takaful pertama yang menyewa 12 gerabak keretapi bersempena sambutan Raya, kami berhasrat untuk mencapai kejayaan dalam memastikan aktiviti menarik dan menyeronokkan ini berterusan. Saya amat berbesar hati apabila melihat nilai kebersamaan ini, dan ini adalah salah satu usaha kami untuk menghargai semua kakitangan yang sentiasa berusaha dalam memberikan sumbangan terhadap pertumbuhan Great Eastern Takaful. Majlis ini lebih istimewa dengan kehadiran kanak-kanak yang kurang bernasib baik yang turut kami raikan dengan sepenuh hati."

GETB meluaskan amalan berkongsi rezeki dan mengukuhkan komitmen dalam membantu mereka yang memerlukan dengan menjemput kanak-kanak kurang bernasib baik dari Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Harapan untuk menyertai majlis tersebut. Inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini, di bawah inisiatif GET-Care bertujuan untuk memberikan pengalaman Raya yang menggembirakan di mana kehadiran mereka menambahkan keceriaan dan menyemarakkan sambutan perayaan.

Selain hidangan juadah Raya yang lazat, perayaan ini dipenuhi dengan keterujaan semua kakitangan apabila mereka dapat menghidupkan kembali kenangan manis zaman kanak-kanak mereka dengan menikmati snek tradisional yang memukau rasa. Aktiviti lain seperti tapak bergambar, cabutan rezeki, dan pertandingan pakaian terbaik telah

diadakan di samping persembahan pemuzik secara langsung. Ini memberikan peluang kepada kakitangan untuk mencipta kenangan yang indah bersama rakan sekerja.

Komitmennya dalam meningkatkan kesejahteraan kakitangan, yang ditunjukkan melalui inisiatif seperti majlis Raya Kampong GETB, mencerminkan Great Eastern Takaful sebagai organisasi yang berteraskan wargakerjanya. Sebelum ini, Great Eastern Takaful telah dianugerahkan sebagai Majikan Terbaik oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric 2023. Pengiktirafan yang berprestij ini menunjukkan dedikasi syarikat dalam menyediakan persekitaran kerja yang cemerlang dan berinovasi di samping memberikan pengalaman kerja yang berbeza kepada semua.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelastarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah "Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022" oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai "Most Valuable Brand – Takaful Solutions" oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, "Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik" oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Great Eastern Takaful juga dinamakan sebagai Majikan Terbaik oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad

Tel : 016 - 209 234

E-mel : MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com